

BAB KEDUA

KEDUDUKAN HARTA ORANG-ORANG ISLAM DI DAERAH MUAR

2.1 Pengenalan

Daerah Muar merupakan salah sebuah daerah di Negeri Johor. Dari segi geografinya, Daerah Muar terletak di bahagian utara Negeri Johor dan bersempadankan Negeri Melaka. Di bahagian selatan, daerah ini bersempadankan Daerah Batu Pahat. Manakala bahagian timurnya pula, daerah ini bersempadankan Daerah Segamat. Terdapat tanah persisiran pantai di sepanjang Selat Melaka yang menghala dari Tanjung Tohor sehingga ke Kesang di bahagian barat daerah ini. (Sila lihat lampiran A). Selain itu, terdapat sebatang sungai utama yang merentasi daerah ini yang dikenali sebagai Sungai Muar.

Daerah Muar mempunyai keluasan 234,627 hektar¹ atau 2,346 kilometer persegi². Ia diketuai oleh seorang Pegawai Daerah. Pusat pentadbiran Daerah Muar terletak di Bandar Maharani³. Terdapat sembilan belas buah mukim di daerah ini. Pentadbirannya dibahagikan kepada dua kawasan iaitu Daerah Muar dengan keluasan 196,675 hektar dengan lapan belas buah mukim dan Daerah Kecil Tangkak dengan keluasan 37,952 hektar dan mempunyai sebuah mukim. (Sila lihat lampiran B). Seorang Penolong Pegawai Daerah dilantik bagi membantu urusan pentadbiran di Daerah Kecil Tangkak. Pembahagian kawasan pentadbiran ini bertujuan untuk memudahkan

urusian pentadbiran memandangkan jumlah penduduk yang ramai dan keluasan daerah ini. Manakala di peringkat mukim pula, ia diketuai oleh seorang penghulu yang bertanggungjawab ke atas setiap mukim tersebut⁴.

Mengikut sejarah, nama Muar dipercayai berasal dari perkataan Melayu Sunda iaitu muara yang membawa maksud kuala sungai yang meneluk luas⁵. Pendapat ini berdasarkan kepada kedudukan sebatang sungai Muar yang merentangi daerah ini⁶. Di samping itu, terdapat cerita-cerita rakyat Melayu yang kononnya sungai Muar merupakan sebuah teluk yang amat dalam dan membuka luas di mana terdapat kapal-kapal dagang belayar melaluinya ke Ulu Muar⁷.

Sejarah awal Daerah Muar bermula pada tahun 1884 apabila ia dibuka dengan rasminya oleh Maharaja Johor ketika itu iaitu Maharaja Abu Bakar⁸. Ini membolehkan daerah ini dibangun dan ditadbir dengan lebih sistematik, terancang dan tersusun. Pada 12 Ogos 1887 pula, baginda telah mengisytiharkan secara rasmi pusat pentadbiran utama daerah ini dan menamakannya sebagai Bandar Maharani⁹. Selaras dengan pembukaan bandar tersebut, seorang Residen telah dilantik yang dikenali sebagai Residen Muar. Ia bertanggungjawab terhadap segala urusan pentadbiran dan pembangunan di daerah ini.

Pada 15 Februari 1925, sebuah masjid telah dibina di

Bandar Maharani bagi kegunaan masyarakat Islam di Daerah Muar menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan. Masiid ini telah siap sepenuhnya dan dirasmikan oleh Sultan Johor ketika itu iaitu Sultan Ibrahim pada 28 Februari 1930. Baginda telah menamakan masjid tersebut sebagai Masjid Jamik Sultan Ibrahim Muar. Pembinaannya dianugerah sebagai lambang kesatuan dan perpaduan masyarakat Islam di daerah ini¹⁰.

Pada 15 April 1967 pula, sebuah jambatan yang merentangi sungai Muar telah siap dibina dan dinamakan Jambatan Sultan Ismail iaitu mengambil sempena nama Sultan Johor ketika itu. Ia merupakan alat perhubungan darat terpenting yang menghubungkan daerah ini dengan Negeri Melaka yang terletak di bahagian utaranya¹¹. Kini, Bandar Maharani telah dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan prasarana dan bangunan-bangunan sama ada bangunan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, bangunan Jabatan Agama Islam Daerah, sekolah, pusat-pusat membeli-belah dan sebagainya¹².

Bilangan penduduk di daerah ini semakin meningkat dari semasa ke semasa. Ini ditambah pula dengan kemasukan penduduk dari luar Negeri Johor seperti Negeri Melaka, Selangor dan sebagainya di samping penduduk-penduduk dari daerah-daerah lain di negeri ini¹³. Penghijrahan mereka telah dikaitkan pembukaan kawasan-kawasan baru untuk kegiatan pertanian, pembinaan dan perindustrian di daerah ini. Menurut laporan Warta Kerajaan Johor 1931, jumlah penduduk di

daerah ini pada tahun 1921 ialah 96.488 orang berbanding 63,164 orang pada tahun 1911¹⁴.

Mengikut bancian penduduk oleh Jabatan Peranakan Negara pada tahun 1991, jumlah penduduk di daerah ini telah meningkat kepada 301,804 orang berbanding 232.389 orang pada tahun 1981¹⁵. Mereka terdiri daripada orang-orang Melayu, Cina, India di samping kaum-kaum lain seperti Sikh dan sebagainya. Daripada jumlah itu, seramai 154.351 orang atau 51.14 peratus merupakan orang-orang Melayu yang beragama Islam¹⁶. Manakala 117,776 orang atau 39.02 peratus terdiri daripada kaum Cina dan 11,303 orang atau 3.75 peratus adalah kaum India. Seramai 15,432 orang atau 5.11 peratus pula terdiri daripada lain-lain kaum. 969 orang atau 0.32 peratus adalah bumiputra bukan Melavu dan seramai 1,973 orang atau 0.66 peratus merupakan bangsa asing¹⁷. Berikut adalah jadual jumlah penduduk mengikut pecahan kaum-kaum di Daerah Muar sehingga Disember 1991. (Sila lihat Jadual 1).

JADUAL 1

JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT PECAHAN KAUM-KAUM
DI DAERAH MUAR SEHINGGA DISEMBER 1991

Kaum	Jumlah	Peratus
Bumiputra Melayu	154,351	51.14
Cina	117,776	39.02
India	11,303	3.75
Lain-lain	15,432	5.11
Bumiputra Bukan Melayu	969	0.32
Bangsa Asing	1,973	0.66
Jumlah Besar	301,804	100.00

* sumber: Jabatan Perangkaan Negara, 1995

Jadual di atas menunjukkan penduduk terbesar di daerah ini merupakan orang-orang Melayu dengan 51.14 peratus. Perangkaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam merupakan kaum majoriti di Daerah Muar. Ini diikuti oleh masyarakat Cina yang kebanyakannya adalah penganut Agama Buddha dan Kristian sementara Agama Hindu pula dianuti oleh sebahagian besar masyarakat India¹⁸. Manakala kaum Bumiputra Bukan Melayu pula adalah kaum yang terkecil bilangannya iaitu seramai 969 orang atau 0.32 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di daerah ini.

Dari segi gunatenaga penduduk, secara umumnya sebaha-

gian besar penduduk di Daerah Muar terdiri daripada pekebun-pekebun kecil yang bekerja secara persendirian manakala sebahagian kecilnya merupakan kakitangan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta. Mereka bekerja sebagai pekebun kecil dan mengusahakan tanah mereka dengan pelbagai jenis tanaman seperti getah, kelapa sawit, nenas dan sebagainya. Terdapat sebahagian kecil pula yang mengusahakan sawah padi terutama mereka yang tinggal di kawasan yang bersesuaian dengan tanaman tersebut. Selain daripada itu, terdapat di kalangan mereka yang dipilih mengusahakan tanah-tanah yang ditadbir oleh agensi-agensi kerajaan dengan tanaman getah dan kelapa sawit. Mereka yang tinggal berdekatan dengan Sungai Muar pula bekerja sebagai nelayan kecil¹⁹.

Dari segi pembangunan pula, daerah ini telah dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan asas yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta. Ini termasuklah menyediakan kemudahan tempat beribadah, bekalan elektrik, bekalan air bersih, talian telefon, membina sekolah, jalanraya dan sebagainya²⁰. Di samping itu, beberapa agensi pembangunan telah diwujudkan di kawasan bandar dan luar bandar seperti menubuhkan Majlis Daerah Muar Selatan (MDMS), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Pembangunan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Pertubuhan Peladang Kawasan, Pihak Berkuasa Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan sebagainya. Bagi meningkatkan taraf pendapatan di luar bandar, kerajaan juga menyediakan pelbagai insentif dan

subsidi seperti pemberian subsidi baja, biji benih dan sebagainya²¹. Justeru itu, hasil pembangunan yang diwujudkan di daerah ini, sebahagian besar penduduk kini mampu memiliki berbagai-bagai jenis harta seperti tanah, bangunan, kenderaan dan sebagainya.

Tidak dinafikan, harta merupakan sesuatu yang penting di dalam kehidupan seseorang. Ia bukan sahaja dapat dinikmati semasa hayatnya tetapi boleh diwarisi oleh orang lain selepas kematiannya. Dalam mengusahakan sesuatu harta, Islam mempunyai konsep tersendiri. Islam memberi hak kepada seseorang untuk memiliki, mengumpul, menggunakan dan mengembangkan harta tersebut tetapi mestilah berlandaskan kepada hukum syarak²². Ini bermakna, Islam melarang sebarang pemilikan harta secara haram sama ada dengan cara menipu, mencuri, rasuah dan sebagainya²³.

Dalam mentakrifkan harta, sebahagian ulama telah mentakrifkannya sebagai sesuatu yang menarik kecenderungan tabi'i manusia di mana ia boleh disimpan dan digunakan apabila diperlukan²⁴. Menurut Muhammad Salam Madkur, harta merupakan nama bagi sesuatu selain daripada manusia, yang dijadikan untuk kepentingan manusia dan boleh disimpan atau digunakan secara sukarela²⁵. Dr. Abd. Karim Zaidan pula mentakrifkannya sebagai setiap sesuatu yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan pada kebiasaannya²⁶. Menurut Ali Khafif,

harta ialah sesuatu kepentingan yang dijadikan untuk manusia yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan pada kebiasaannya²⁷. Walaupun terdapat beberapa takrifan yang berbeza namun, ia mempunyai maksud yang sama di mana harta ialah sesuatu yang dapat dikuasai dan dimanfaatkan oleh pemiliknya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Justeru itu, harta adalah sesuatu yang boleh dijualbeli, dicagar, digadai, diwarisi, disewa atau dihadiahkan kepada orang lain²⁸.

Pemilikan harta di kalangan orang-orang Islam di Daerah Muar terbahagi kepada dua jenis iaitu harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan²⁹. Harta milik persendirian ialah harta yang dimiliki oleh seseorang sama ada melalui usaha mereka sendiri atau bersama dengan orang lain secara bersyarikat ataupun secara perwarisan. Manakala harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan pula adalah tanah-tanah yang ditadbir di bawah peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Ia merangkumi Tanah-tanah Rancangan Felda, Tanah-tanah Felcra dan Tanah Rancangan Berkelompok³⁰.

2.2 Harta Milik Persendirian

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, harta milik persendirian merupakan harta yang dimiliki oleh seseorang sama sama ada melalui usaha mereka sendiri atau bersama dengan orang lain secara bersyarikat ataupun secara perwarisan. Mereka mempunyai hak secara mutlak ke atas harta-harta

tersebut. Ini termasuklah hak untuk menjual, menggadai, mencagar atau menghadiahkan kepada orang lain.

Harta milik persendirian di daerah ini terdiri daripada dua jenis iaitu harta alih dan harta tak alih. Harta-harta alih adalah harta yang boleh dialihkan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain³¹. Ini termasuklah harta-harta yang digunakan secara persendirian atau disewakan kepada orang lain seperti kenderaan, peralatan rumah, wang-wang yang disimpan di dalam institusi-institusi kewangan dan berbankan seperti di bank-bank perdagangan, wang simpanan Tabung Haji dan wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). wang yang dilaburkan di dalam syarikat-syarikat saham. wang lebih bayaran pinjaman perumahan dan wang pampasan daripada pemgambilan tanah oleh pihak kerajaan dan swasta³².

Manakala harta-harta tak alih adalah harta yang tetap dan tidak boleh diubah kedudukannya seperti tanah dan bangunan seperti rumah dan sebagainya³³. Mengikut Akta Tafsiran 1967³⁴, harta tak alih ialah tanah dan kepentingannya. hak dan faedah yang terdapat atau yang akan didapati daripada tanah. Ini termasuklah³⁵:

- a). Tanah atau bahagiannya yang dipegang oleh Pemegang Amanah bagi pihak si mati.

b). Tanah atau bahagiannya yang patut dipindah hakmiliknya kepada si mati daripada satu pusaka yang sedang dibahagikan.

c). Tanah termasuk tanah lombong yang mempunyai hakmilik (semua atau sebahagiannya) yang didaftarkan di atas nama seseorang atau bersama sebagai pemilik.

d). Tanah yang dicatatkan dalam daftar permohonan yang diluluskan (*Roll of Approved Application*) dan kependudukan yang diluluskan (*Register of Approved Occupation*) oleh kerajaan.

e). Kepentingan seseorang di dalam tanah yang dipegang oleh si mati sebagai Pemegang Amanah.

f). Tanah yang telah diluluskan pemberian hakmilik dibawah undang-undang tanah, yang mana semua bavarau yang dikenakan telah dijelaskan oleh si mati.

g). Pegangan tanah yang dimaksudkan oleh Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 atau *Land (Group Settlement Areas) Act, 1960* iaitu tanah-tanah rancangan yang telah diberikan hakmilik kepada peneroka³⁶.

h). Sesuatu kepentingan dalam tanah yang diperolehi melalui pembelian tanah yang boleh ditakrifkan sebagai

pembeli di bawah seksyen 2, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955³⁷.

i). Hakmilik yang dimaksudkan di dalam Akta Hakmilik Strata 1985³⁸.

j). Sesuatu kepentingan dalam cadaian atau pajakan³⁹.

Mengikut laporan tahunan 1994, kira-kira 55 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah milik persendirian di daerah ini, dimiliki oleh orang-orang Melayu⁴⁰. Pemilikan ini meliputi tanah-tanah yang tertakluk di bawah Kanun Tanah Negara 1965⁴¹ dan tanah yang tertakluk di bawah peruntukan Enakmen Rezab Melayu Johor 1936⁴². Daripada jumlah tersebut, kebanyakannya tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu di Daerah Muar merupakan tanah-tanah yang diwartakan di bawah peruntukan Enakmen Rezab Melayu Johor 1936. Sehingga Disember 1996, Kerajaan Negeri telah mewartakan seluas 51,126 hektar sebagai Tanah Rezab Melavu di Daerah Muar. (Sila lihat lampiran C).

2.3 Harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan

Selain daripada harta milik persendirian, terdapat juga harta-harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan di Daerah Muar. Ia terdiri daripada tanah-tanah yang ditadbir melalui peruntukan undang-undang di bawah Kanun Tanah Negara 1965

dan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Sehingga Disember 1994, seluas 19,018 hektar tanah telah diwartakan di bawah Akta-akta tersebut dengan sejumlah 4,904 orang telah dipilih memajukan tanah-tanah tersebut⁴³.

Terdapat tiga jenis tanah yang ditadbir oleh agensi kerajaan di Daerah Muar. (Sila lihat lampiran D). Tanah-tanah tersebut ialah:

- a). Tanah Rancangan Felda atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.
- b). Tanah Felcra atau Lembaga Penyatuan dan Pemulihian Tanah Persekutuan.
- c). Tanah Rancangan Berkelompok.

2.3.1 Tanah Rancangan Felda (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)

Tanah Rancangan Felda merupakan tanah yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri sebagai tanah pertanian dan menyerahkan kepada pihak Felda sebagai agensi pembangunan tanah di kawasan tersebut. Felda atau '*Federal Land Development Authority*' merupakan salah satu agensi Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Ia bertanggungjawab memajukan tanah-tanah rancangan untuk tujuan pertanian⁴⁴. Felda ditubuhkan pada 1 Julai 1956⁴⁵, di

bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956⁴⁶.

Penubuhan Felda ini mempunyai matlamat-matlamat tertentu. Antaranya ialah⁴⁷:

a). Mewujudkan pertubuhan masyarakat yang maju dan berdisiplin yang mampu meningkatkan taraf kehidupan yang lebih sempurna.

b). Memajukan tanah baru untuk dijadikan ladang pertanian yang produktif, mewujudkan pengurusan pertanian yang berkesan di kalangan peneroka dari segi kebersihan ladang, pengeluaran hasil yang maksima dan bermutu tinggi dengan pengeluaran yang kosnya terkawal.

Dalam membantu meningkatkan taraf hidup peneroka. Felda berperanan membantu membangunkan kawasan tanah-tanah rancangan dengan mempunyai matlamat tersendiri iaitu⁴⁸:

a). Membangunkan kawasan rancangan sebagai kawasan pertanian dan kawasan perkampungan.

b). Mendaftarkan di dalam 'Register of Holdings' peneroka sebagai penduduk yang bakal menerima surat hakmilik.

c). Mengambil langkah yang perlu bagi memastikan pembangunan dijalankan mengikut peraturan dan mencapai matlamatnya. Ini termasuklah menuruskan hal-hal pertanian, kewangan dan hal yang berkaitan dengan kebaikan peneroka.

Dalam mentadbir tanah-tanah rancangan, pihak Felda tertakluk di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dan Undang-undang Felda 1965⁴⁹. Manakala di dalam memajukan tanah-tanah rancangan pula, ia dikendalikan menuarut prinsip peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960⁵⁰. Melalui Undang-undang Felda 1965, Akta ini memberi kuasa kepada Felda untuk memilih calon-calon peneroka yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan mengemukakannya kepada Kerajaan Negeri. Setelah mendapat persetujuan dan kelulusan daripada Exco Kerajaan Negeri, Felda akan membuka satu Daftar Pegangan bagi peneroka dan menempatkan mereka di kawasan tanah-tanah rancangan yang disediakan⁵¹.

Kebiasaannya, pihak Felda akan memperuntukkan kepada setiap peneroka dengan sebidang tanah untuk rumah kediaman, sebuah rumah dan sebidang tanah ladang. Mereka akan mengusahakan tanah ladang tersebut dengan tanaman yang ditentukan sama ada tanaman getah atau kepala sawit. Di samping itu, Felda juga menyediakan berbagai-bagai kemudahan prasarana. Ini termasuklah menyediakan jalanrava, bekalan elektrik, bekalan air bersih, sekolah dan sebagainya.

Untuk membangunkan tanah tersebut, segala kos pengurusan dan pembangunan ke atas tanah tersebut akan ditanung sepenuhnya oleh pihak Felda sebagai hutang yang didahulukan kepada para peneroka. Justeru itu, satu perjanjian dibuat di antara pihak Felda dengan peneroka. (Sila lihat lampiran E). Di bawah perjanjian tersebut, para peneroka dikehendaki mengusahakan tanah ladang yang disediakan dan menjual hasil ladang kepada pihak Felda. Mereka dilarang menjual, menca-gar, menggadai, menurunkan hakmilik atau menyewakan kepada orang lain. Mereka juga hendaklah menielaskan Bayaran Kembali, melunaskan segala pembayaran yang melibatkan Kerajaan Negeri, menjelaskan caruman Simpanan Tanaman Semula bagi membayai kos pembangunan tanaman semula dan caruman untuk Tabung Pemulihan Ladang dan Insuran Rumah sebelum dikeluarkan hakmilik ke atas tanah tersebut⁵².

Bayaran Kembali ialah bayaran yang meliputi jumlah keseluruhan kos pembangunan ladang, tapak rumah, harga rumah dan kos penyelenggaraan ladang. Bagi menampung perbelanjaan tersebut, pihak Felda terpaksa membelanjakan sebanyak RM53 ribu untuk setiap peneroka⁵³. Mereka dikehendaki menjelaskan segala perbelanjaan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan. Biasanya, Bayaran Kembali hendaklah dijelaskan dalam tempoh 15 tahun. Pembayarannya mula dilakukan setelah tanah mereka mula mengeluarkan hasil⁵⁴.

Semenjak penubuhannya, Felda telah memajukan 478 buah tanah rancangan dengan 322 buah rancangan berpeneroka dan 156 buah rancangan yang ditadbir secara komersial melalui anak-anak syarikat Felda di seluruh negara⁵⁵. Manakala jumlah keluasan tanah-tanah rancangan yang dibuka sehingga akhir 1983 ialah seluas 607,000 hektar dengan menempatkan lebih 80,000 keluarga peneroka⁵⁶.

Mengikut laporan tahunan 1994, pihak Felda telah memajukan lima buah tanah rancangan dengan keluasan 9.493 hektar di daerah ini. Jumlah peneroka yang terpilih ialah seramai 1,681 orang yang terdiri daripada orang-orang Melayu⁵⁷. Tanah-tanah rancangan Felda tersebut ialah:

- a. Felda Parit Haji Idris, Mukim Gersik.
- b. Felda Batu 27 Lenga, Mukim Lenga.
- c. Felda Sri Jaya, Mukim Bukit Serambang.
- d. Felda Sri Ledang, Mukim Bukit Serambang.
- e. Felda Ma'okil, Mukim Bukit Kepong.

2.3.1.1 Pemberian Hakmilik Tanah Rancangan Felda

Mengikut peruntukan dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, setiap pemberian hakmilik ke atas tanah-tanah rancangan mestilah mendapat kelulusan daripada Exco Kerajaan Negeri terlebih dahulu⁵⁸.

Sebelum itu, para peneroka mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam perianjian yang dibuat di

antara pihak Felda dan peneroka. Ini termasuklah menjelaskan Bayaran Kembali, melunaskan segala pembayaran yang melibatkan Kerajaan Negeri iaitu bayaran yang disatukan yang merangkumi pembayaran premium cukai tanah, kos mengukur pelan tanah dan menyempurnakan lain-lain syarat yang berkaitan dengan penempatan⁵⁹. Kemudian, pihak Felda akan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk meneluarkan hakmilik ke atas tapak rumah dan tanah ladang⁶⁰. Setelah mendapat kelulusan daripada Exco Kerajaan Negeri, surat hakmilik akan diserahkan kepada para peneroka.

Proses pemberian hakmilik tanah adalah tertakluk kepada jenis perjanjian yang dibuat di antara pihak Felda dengan peneroka. Terdapat 3 jenis perjanjian hakmilik yang dilaksanakan oleh pihak Felda iaitu perianjian hakmilik individu, hakmilik kumpulan dan hakmilik sistem saham.

a). Perjanjian Hakmilik Individu

Perjanjian ini adalah perjanjian yang mula diperaktikkan sejak Felda diwujudkan di kawasan ladang getah⁶¹. Di bawah perjanjian tersebut, peneroka akan diberi hakmilik secara individu ke atas rumah, tapak rumah dan tanah ladang setelah mereka mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan termasuklah menjelaskan Bayaran Kembali dan sebagainya. Sehingga 31 Mac 1985, seramai 8,299 peneroka dari 18 buah tanah rancangan di seluruh negara telah menjelaskan hutang mereka

kepada pihak Felda. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,080 peneroka telahpun menerima hakmilik mereka.

b). Perjanjian Hakmilik Kumpulan

Perjanjian hakmilik ini mula dipraktikkan sejak tahun 1960 di kawasan ladang kelapa sawit. Di bawah perjanjian ini, sesebuah tanah rancangan akan dibahagikan kepada beberapa blok tertentu. Para peneroka yang terlibat akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan bertanggungjawab memajukan blok masing-masing. Pendapatan mereka bergantung kepada usahasama setiap ahli blok.

Di bawah perjanjian ini juga, peneroka akan menerima hakmilik ke atas rumah dan tapak rumah sahaia. Manakala hakmilik ke atas tanah ladang akan diberikan secara kumpulan di atas nama Pertubuhan Koperasi Peneroka yang dianggotai oleh peneroka tanah rancangan tersebut. Hakmilik akan diluarkan setelah mereka mematuhi segala svarat-syarat yang ditetapkan termasuklah menjelaskan Bavaran Kembali dan sebagainya. Sehingga 31 Mac 1985, seramai 1,843 peneroka di 7 buah tanah rancangan di seluruh negara telah menjelaskan hutang kepada pihak Felda. Daripada jumlah tersebut, seramai 395 orang peneroka telah menerima hakmilik di atas nama Pertubuhan Koperasi Peneroka⁶².

c). Perjanjian Sistem Saham

Perjanjian ini mula dilaksanakan pada 1 Januari 1985

bertujuan untuk mempertingkatkan pengurusan dan pembangunan tanah. Penekanan diberikan bagi menimatkan kos penyelenggaraan ladang di samping mengeluarkan hasil peneroka secara maksimum di kawasan tanah ladang getah dan kelapa sawit.

Melalui perjanjian ini, peneroka akan diberikan hakmilik ke atas tapak rumah sahaja setelah peneroka menielaskan bayaran premium serta cukai tahunan. Hakmilik ke atas rumah pula akan dikeluarkan setelah mereka menjelaskan kos rumah. Manakala hakmilik ke atas tanah ladang akan dikeluarkan setelah ia dijadikan saham kepada satu Perbadanan Tanah Ladang. Para peneroka akan menerima dividen dan bonus apabila saham mereka mendapat keuntungan⁶³. Sisil saham hanya diserahkan kepada mereka setelah mereka mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan termasuklah menjelaskan Bayaran Kembali dan sebagainya.

Perjanjian ini turut menghalang peneroka dari melakukan sebarang urusan pindahmilik saham kecuali dengan sebab-sebab yang tertentu seperti kematian atau sebagainya. Sebarang urusan pindahmilik hanya boleh dilakukan dengan syarat saham tersebut mestilah dipindahkan bersama dengan hakmilik rumah.

Walau bagaimanapun, mulai Oktober 1988 Kerajaan telah memansuhkan perjanjian hakmilik kumpulan dan perjanjian sistem saham. Pemansuhan ini dilakukan memandangkan terda-

pat beberapa masalah yang timbul di kalangan para peneroka. Selepas tarikh tersebut, semua tanah rancangan di seluruh negara yang diwujudkan akan diberikan perjanjian hakmilik di bawah perjanjian hakmilik individu⁶⁴.

Mengikut laporan tahunan 1994, sejumlah 957 orang daripada 1,681 orang peneroka telah diberikan hakmilik ke atas tanah mereka mengikut kawasan tanah rancangan masing-masing di daerah ini. Manakala seramai 724 orang peneroka belum diberikan hakmilik.

2.3.1.2 Hak Peneroka Selepas Pemberian Hakmilik

Selepas peneroka menerima hakmilik masing-masing, mereka mempunyai hak sepenuhnya ke atas harta tersebut. Ini termasuklah rumah, tapak rumah dan tanah ladang. Walau bagaimanapun, urusan yang melibatkan tapak rumah dan tanah ladang, masih tertakluk di bawah peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Mereka tidak dibenarkan membuat sebarang urusniaga ke atas harta-harta tersebut melainkan setelah mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri⁶⁵. Ini termasuklah menjual, mencagar, menggadai atau menyerahkan hakmilik kepada orang lain.

Setelah pemberian hakmilik dikeluarkan kepada peneroka, peranan Felda ialah memastikan kegiatan pertanian dan kemasyarakatan di kawasan tanah rancangan tersebut terus dilaksanakan sehingga Exco Kerajaan Negeri membatalkan

pewartaan Felda sebagai agensi pembangunan tanah di kawasan tanah rancangan tersebut di dalam Warta Keraiaan Negeri⁶⁶.

2.3.2 Tanah Felcra (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan)

Tanah Felcra merupakan tanah-tanah yang dicadangkan kepada pihak Felcra untuk dipulihkan dan dimaiukan. Tanah-tanah tersebut termasuklah tanah-tanah milik bersendirian dan tanah-tanah yang diwartakan di bawah Akta Tanah (kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Mereka akan membangunkan tanah-tanah tersebut dengan tanaman getah, kelapa sawit, padi, koko dan tebu.

Felcra atau '*Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority*' merupakan salah satu agensi Keraiaan Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia. Ia ditubuhkan pada 1 Oktober 1966, di bawah peruntukan Akta (Memperbadankan) Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan, 1966⁶⁷. Fungsi dan peranan Felcra ditubuhkan ialah⁶⁸:

- a). Menyatukan semula tanah milik petani untuk dimajukan semula dalam bentuk yang lebih ekonomik.
- b). Memulihkan tanah secara koperasi perladangan bersama dan memulihkan tanah secara lot demi lot bagi kawasan

yang berselerak dengan dibiayai oleh Felcra sendiri. Ia diusahakan sehingga tanah itu menghasilkan pengeluaran yang dapat menampung kos yang telah dikeluarkan.

Dalam melaksanakan konsep penyatuan tanah, pihak Felcra akan mengadakan kaedah penyatuan dari segi pencurusan bagi tanah-tanah terbiar. Tanah-tanah tersebut kemudiannya akan disatu dan dimajukan dalam bentuk yang lebih ekonomik bagi mempertingkatkan penghasilannya.

Manakala dalam melaksanakan konsep pemulihan tanah pula, Felcra menumpu kepada usaha memajukan tanah-tanah terbiar yang terdapat di kampung-kampung tradisional di seluruh negara. Melalui kaedah ini, Felcra akan memilih tanah-tanah yang sesuai untuk dikelompokkan dan disusun semula secara teratur dengan mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan dan industri desa. Ini bertujuan untuk mewujudkan masyarakat petani moden di samping dapat meningkatkan pendapatan dan daya pengeluaran serta meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara⁶⁹.

Dalam mentadbir tanah-tanah tersebut, pihak Felcra tertakluk di bawah peruntukan Akta (Memperbadankan) Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan 1966⁷⁰ dan Kanun Tanah Negara 1965⁷¹. Walau bagaimanapun, dalam memulih dan memajukan tanah-tanah yang diwartakan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960⁷², pihak Felcra akan

tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta tersebut.

Setakat ini, Felcra telah melaksanakan empat bentuk rancangan tanah di seluruh negara iaitu rancangan pemulihan tanah, rancangan tanah pinggir, rancangan tanah belia dan rancangan penyatuan tanah⁷³. Menjelang akhir tempoh rancangan Malaysia kelima, pihak Felcra telah berjaya memulihkan seluas 117,800 hektar tanah untuk faedah seramai 6.793 orang peserta⁷⁴. Pada akhir tahun 1982, Felcra telah memajukan lebih daripada 34,099 hektar tanah di rancangan tanah-tanah pinggir untuk faedah seramai 3,555 orang peserta. Felcra juga telah memajukan lebih daripada 24,424 hektar di dalam rancangan tanah belia untuk faedah seramai 2.002 orang peserta. Dalam rancangan penyatuan tanah pula, Felcra telah melaksanakannya di kampung-kampung terdisional dan kini mencapai keluasan 760 hektar dan memberi faedah kepada seramai 248 orang peserta⁷⁵. Sehingga akhir tahun 1992, seramai 97,776 orang peserta telah menikmati faedah dari usaha-usaha memajukan tanah yang dilaksanakan oleh Felcra⁷⁶.

Mengikut laporan tahunan 1994, pihak Felcra telah berjaya menyatu dan memulihkan tanah seluas 4,806 hektar di daerah ini. Ia meliputi 9 buah kawasan dengan jumlah peserta yang terlibat ialah seramai 1,312 orang. Tanah-tanah tersebut merupakan tanah-tanah yang terlibat dengan rancangan tanah pinggir yang diwartakan di bawah peruntukan Akta

Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Para pesertanya pula terdiri daripada orang-orang Melayu. Tanah-tanah rancangan yang terlibat ialah:

- a. Felcra Kebun Baru 1, Mukim Bukit Serampang.
- b. Felcra Kebun Baru 11, Mukim Bukit Serampang.
- c. Felcra Paya Kepar, Mukim Bukit Kepong.
- d. Felcra Projek Serom 4, Mukim Serom.
- e. Felcra Paya Redan, Mukim Lenga.
- f. Felcra Sungai Labis Ulu 1, Mukim Bukit Kepong.
- g. Felcra Sungai Labis Ulu 11, Mukim Bukit Kepong.
- h. Felcra Parit Kassan, Mukim Gersik.
- i. Felcra Kundang Ulu, Mukim Bukit Serampang.

Mulai 1 Januari 1992, Felcra telah mengadakan dasar pengunduran di mana ia tidak bergantung sepenuhnya keadaan kewangan kerajaan dalam melaksanakan dasar pemulihan dan penyatuan tanah. Ini selaras dengan saranan ahli keraian supaya agensi-agensi kerajaan mengurangkan pergantungan kewangan dalam membiayai perbelanjaan pengurusan. Melalui dasar tersebut, pentadbiran Felcra akan diundurkan pengurusannya dari projek-projek tertentu yang sesuai dan diserahkan kepada Koperasi Peserta-peserta Felcra Berhad iaitu anak syarikat Koperasi Peserta Felcra Holdings Sdn. Bhd.⁷⁷.

Sebagai langkah pertama dalam program pengunduran ini, sebanyak 15 projek Felcra di seluruh negara telah diserahkan kepada syarikat tersebut untuk diurus tadbir. Ia meru-

pakan projek perintis sebelum projek pengunduran ini dilakukan sepenuhnya. Daripada jumlah tersebut, terdapat tiga rancangan Felcra di Daerah ini yang terlibat dengan program pengunduran iaitu⁷⁸:

- a. Felcra Kebun Baru 1, Mukim Bukit Serampang.
- b. Felcra Kebun Baru 11, Mukim Bukit Serampang.
- c. Felcra Kundang Ulu, Mukim Bukit Serampang.

2.3.2.1 Proses Penyerahan Hakmilik Tanah Kepada Felcra

Proses penyerahan hakmilik tanah kepada Felcra akan dilakukan apabila terdapat permintaan daripada pemilik tanah atau kerajaan negeri untuk mengusahakan tanah-tanah tersebut. Ia dilakukan melalui suatu perjanjian dibuat di antara pihak Felcra dengan para peserta yang juga pemilik tanah. Melalui perjanjian tersebut, mereka akan menyerahkan hakmilik kepada Felcra dengan mencagarkan geran tanah sebagai pegangan cagaran dalam tempoh yang tertentu⁷⁹. Sepanjang tempoh tersebut, tanah tersebut akan dipulihkan di mana Felcra akan menanggung segala kos sebagai hutang yang didaulukan kepada pemilik tanah. Mereka akan diberikan pulangan dalam bentuk saham setelah ditolak dengan jumlah kos pembangunan berdasarkan nisbah keluasan tanah dengan jumlah keseluruhan tanah yang dapat dipulihkan⁸⁰.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat peserta yang ingin menarik diri dengan menamatkan tempoh cagaran lebih

awal daripada tempoh sebenar, mereka hendaklah menjelaskan terlebih dahulu kos keseluruhan pembangunan tanah yang telah dibelanjakan oleh pihak Felcra ke atas tanah tersebut sebelum hakmilik mereka dikembalikan. Selepas tempoh cagaran tamat, pemilik tanah boleh mengusahakan secara bersendirian atau menyerahkan semula kepada pihak Felcra untuk dimaiukuan dalam tempoh tertentu dengan mengadakan perianian baru.⁸¹.

Mengikut laporan tahunan 1994, Felcra telah menverahkan hakmilik kepada 170 orang peserta di daerah ini. Pemulangan ini dibuat setelah tamat tempoh cagaran yang ditetapkan sebagaimana dalam perjanjian yang dipersetujui di antara pihak Felcra dengan pemilik tanah sebelum ini.

2.3.3 Tanah Rancangan Berkelompok

Tanah Rancangan Berkelompok merupakan tanah kurnia daripada Kerajaan Negeri Johor adalah tanah yang diwartakan di bawah peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Ia merupakan tanah-tanah pingair yang dibangunkan bagi tujuan pertanian. Tanah ini diserahkan kepada para penduduk di negeri ini yang memenuhi syarat-svarat tertentu dengan persetujuan Exco Kerajaan Negeri. Dalam mengendalikan tanah tersebut, mereka akan diberi bantuan dari segi teknikal daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan pembangunan tanah seperti Pihak Berkuasa Pekebun-Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan sebagainya. Ini termasuklah pemberian subsidi baja, benih tanaman dan racun.

Mengikut laporan tahunan 1994⁸², seluas 4.720 hektar telah diwartakan sebagai Tanah Rancangan Berkelompok di daerah ini. Ia dibahagikan kepada 13 buah tanah rancangan dengan jumlah pemiliknya seramai 1.911 orang. Daripada jumlah itu, seramai 684 orang atau 35.8 peratus terdiri daripada orang-orang Melayu dan selebihnya seramai 1.227 orang atau 64.2 peratus terdiri daripada orang-orang Cina. Seramai 1,065 orang telah menerima hakmilik tanah tersebut sementara 846 orang lagi belum menerima hakmilik.

Tanah-tanah Rancangan Berkelompok yang dimiliki oleh orang-orang Melayu ialah:

- a. Gemeh, Mukim Tangkak.
- b. Durian Chondong 11, Mukim Bukit Serampang.
- c. Durian Chondong 11 (sambungan), Bukit Serampang.
- d. Sungai Cegoh, Mukim Kepong⁸³.
- e. Kampung Tui, Mukim Kepong⁸⁴.
- f. Tanah Merah, Mukim Air Hitam.
- g. Anak Air Kangkong, Mukim Tangkak.

Dalam menentukan penerima tanah tersebut, keutamaan diberi kepada mereka yang tidak mempunyai tanah. Setiap seorang akan menerima sebidang tanah seluas 1.6 hingga 2.4 hektar⁸⁵ dan didaftarkan di bawah Daftar Pegangan⁸⁶. Mereka hendaklah mengusahakan tanah tersebut berdasarkan svarat-

2.4 Harta Sepencarian Antara Suami Isteri

Tidak dinafikan, harta sepencarian merupakan harta yang diperolehi semasa perkahwinan seseorang adalah sebahagian daripada harta yang terdapat di Daerah ini. Islam tidak menafikan hak suami isteri dalam mengusahakan harta semasa tempoh perkahwinan. Mereka digalakkan berusaha mencari harta demi kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga dan anak-anak⁸⁸. Dalam menyediakan keperluan isi rumah, Islam tidak meletakkan kewajipan sepenuhnya kepada suami dan tidak pula menghalang isteri untuk bersama-sama suami dalam mengusahakannya. Isteri berhak membantu suami terutama dalam keadaan suami yang tidak mampu menyediakan keperluan tersebut⁸⁹.

Sebenarnya, tidak terdapat perbincangan dalam kitab-kitab fiqh yang membincangkan mengenai harta sepencarian secara khusus. Apa yang dinyatakan di dalam kitab-kitab tersebut ialah menerangkan tentang harta yang diperolehi oleh suami isteri dalam tempoh perkahwinan sebagai keperluan rumah tangga tanpa menggunakan istilah yang khusus⁹⁰.

Beberapa sarjana dan ahli undang-undang turut memberikan definisi berhubung dengan harta sepencarian. Mengikut M.B.Hooker, harta sepencarian diertikan sebagai '*property jointly acquired by husband and wife during coverture*'. bermaksud harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri

dalam masa perkahwinan⁹¹. Manakala Hakim Briggs semasa memberi penghakiman ke atas kes *Hajjah Lijah bt. Jamal lawan Fatimah bt. Mat Diah*⁹² mentakrifkan, harta sepencarian adalah '*Accquired property during the subsistence of their marriage of a husband and wife out of their resources or by their joint efforts*', bermaksud harta yang diperolehi semasa perkahwinan antara suami isteri hasil daripada dava usaha mereka atau daripada usaha mereka bersama⁹³.

Kadi Besar Pulau Pinang, Tuan Hj. Harussani Hj. Zakaria berpendapat⁹⁴, harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama semasa suami isteri itu hidup bersama dan berusaha sama ada mereka bekerja dalam bidang yang sama atau dalam bidang yang berlainan, secara rasmi atau tidak rasmi sama ada dibahagikan tugas atau sebaliknya⁹⁵.

Dalam kes *Boto' bt. Taha lawan Jaafar bin Muhammad*⁹⁶. Hakim Tan Sri Salleh Abbas ketika memberikan penghakiman berpendapat, harta sepencarian adalah harta yang diperolehi semasa tempoh perkahwinan suami isteri sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dalam kes ini. Mahkamah memutuskan isteri berhak menuntut sebahagian daripada harta tersebut walaupun ia tidak terlibat secara langsung dalam menjalankan tugas suaminya.

Enakmen-enakmen negeri pula mendefinisikan harta tersebut sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri

semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak⁹⁷.

Berdasarkan beberapa takrif dan kes di atas. harta sepencarian adalah harta yang diperolehi dan diusahakan oleh pasangan suami isteri dalam tempoh perkahwinan dengan usaha mereka sama ada harta alih ataupun harta tak alih. secara langsung atau tidak langsung, secara rasmi atau tidak rasmi. Ia tidak termasuk harta yang diperolehi sebelum perkahwinan seseorang dan harta yang diperolehi dengan secara hibah, pusaka dan hadiah.

2.4.1 Harta Sepencarian Menurut Pandangan Islam

Islam mempunyai sistem yang tersendiri dalam mengatur dan menyelesaikan masalah kehidupan manusia termasuklah menyelesaikan masalah harta benda dan kekayaan suami isteri berdasarkan kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan Allah s.w.t. Ia bertujuan untuk menjaga kepentingan dan taraf kedudukan suami isteri agar sentiasa adil dan teratur⁹⁸. Di samping itu, Islam amat mementingkan hubungan kekeluargaan yang terbina di antara suami isteri dengan menetapkan hak-hak mereka apabila berlaku sesuatu perceraian.

Dalam konteks tuntutan harta sepencarian, sebenarnya peruntukan khas tentang harta sepencarian tidak pernah wujud di dalam doktrin fiqh Islam⁹⁹. Pada umumnya, ia adalah adat

Melayu yang memberi hak kepada isteri-isteri yang dicerai untuk menuntut sebahagian daripada harta yang diperolehi oleh mereka semasa bersama suami¹⁰⁰. Seterusnya, adat ini dikanunkan di dalam sistem perundangan dan diakui oleh Undang-undang Islam masa kini dengan membuat peruntukan yang khas dalam Undang-undang Keluarga Islam¹⁰¹. Sememanaonya, sudah menjadi suatu adat dan kebiasaan dalam masyarakat Melayu di negara ini, tuntutan harta sepencarian dilakukan di Mahkamah-mahkamah Syariah terutama di kalangan isteri-isteri yang diceraikan.

Dalam Islam, Adat dikenali sebagai 'uruf' dan diterima sebagai salah satu sumber tambahan hukum di dalam perundangan Islam¹⁰². Islam tidak menolak pemakaian 'uruf' dengan syarat 'uruf tersebut tidak bertentangan dengan al-Qurān dan al-Hadīth, diterima sebagai suatu kebiasaan di dalam sesebuah masyarakat dan tidak dihadkan pemakaiannya berdasarkan kepada masa tertentu'¹⁰³. Dalam *qawā'id Fiqhīyyah* atau kaedah fiqh pula, pemakaian 'uruf ini diterima selagi ia bersifat 'al-'ādah al-muhakkamah' atau adat yang baik dan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip svarak¹⁰⁴.

Islam juga tidak menafikan hak yang diusahakan oleh suami isteri dalam tempoh perkahwinan. Mereka berhak mencari harta untuk kebahagiaan rumah tangga dan keluarga. Namun, apabila berlaku sesuatu perceraian sama ada perceraian hidup atau mati, Islam mengharuskan suami isteri menuntut harta-

harta yang diusahakan dalam tempoh tersebut¹⁰⁵. Ini membolehkan mereka memiliki semula harta-harta yang diusahakan semasa perkahwinan dengan membahagi harta tersebut mengikut kadar yang sesuai dengan usaha dan ikhtiar mereka. Dengan sebab itu, harta tersebut tidak boleh dimiliki oleh salah seorang daripadanya melainkan dengan keredaan dan persetujuan daripada kedua belah pihak¹⁰⁶. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t iaitu:

وَلَا تَنْمِثُوا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضُكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لِّرِجَالٍ
تَصِيبُهُ مِمَّا أَكْتَسَبُوا وَلِلْإِنْسَانِ نَصِيبٌ مِمَّا أَكْتَسَبَ مَنْ وَسْعَ اللَّهُ مِنْ
فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Maksudnya: "Janganlah kamu berangan-angan untuk mendapatkan apa-apa yang dikurniakan oleh Allah pada setengah dari kamu ke atas setengah yang lain: untuk lelaki suatu bahagian daripada apa yang diusahakan (yang diperolehi dari pusaka, dan dari lain-lain usaha) dan bagi perempuan suatu bahagian daripada apa yang diusahakannya. Dan pohonkanlah kepada Allah daripada pengurniannya. Bahwasanya Allah adalah amat mengetahui dengan tiap-tiap sesuatu".

(surah al-Nisā': 32)

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah s.w.t telah menetapkan bahagian seseorang suami dan isteri secara adil berdasarkan kepada usaha masing-masing. Mereka mempunyai hak sepenuhnya terhadap harta tersebut.

2.4.2 Tuntutan Harta Sepencarian di Malaysia

Secara ringkasnya, dalam membenarkan tuntutan harta sepencarian, kebanyakan negeri-negeri hanya membenarkan tuntutan ke atas harta tersebut sekiranya berlaku perceraian hidup di antara suami isteri. Di negeri-negeri seperti Negeri Selangor¹⁰⁷, Terengganu¹⁰⁸ dan Pahang¹⁰⁹, Mahkamah-mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi diberi kuasa untuk mendengar, membicara dan memberi keputusan tentang pembahagian dan tuntutan harta sepencarian¹¹⁰.

Di Negeri Perak pula, minit mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Perak bertarikh 18 Januari 1907 mengarahkan tuntutan harta sepencarian hanya boleh dilakukan oleh isteri yang diceraikan suaminya dengan berdasarkan kepada Adat Melayu Perak¹¹¹. Begitu juga di Negeri Pahang, tuntutan harta sepencarian hendaklah dilakukan mengikut Adat Pahang. Pada tahun 1930, Jawatankuasa Kadi Besar dan Kadi-kadi telah memutuskan mengikut Adat Pahang seseorang isteri berhak menuntut harta sepencarian apabila berlaku perceraian atau selepas kematian suaminya¹¹².

Tuntutan harta sepencarian sebelum pembahagian harta pusaka turut dibenarkan di Negeri Kelantan. Dalam kes *Hajjah Saudah lawan Hanafi dan Iain-Iain*¹¹³, Mahkamah Kadhi Besar Kelantan telah memutuskan harta tersebut boleh dituntut

meskipun dalam perceraian yang disebabkan oleh kematian¹¹⁴.

Begitu juga di Negeri Selangor di mana Mahkamah Syariah turut membenarkan tuntutan isteri yang kematian suaminya berhak menuntut sebahagian daripada harta sepencarian sebelum pembahagian harta pusaka suaminya¹¹⁵.

Dengan membenarkan tuntutan ke atas harta tersebut, ia memberi peluang kepada suami atau isteri menuntut sebahagian daripada harta yang diperolehi semasa perkahwinan sebelum pembahagian harta pusaka si mati dilakukan. Tuntutan tersebut boleh dilakukan sekiranya salah satu daripada mereka yang masih hidup dapat membuktikan bahawa sebahagian daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati adalah harta yang diusahakan bersama.

Di Negeri Johor, tuntutan harta sepencarian hanya dibenarkan dengan berlakunya perceraian hidup. Ia diperuntukkan di dalam seksyen 133(3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor tahun 1978 yang menyatakan secara jelas bahawa seorang perempuan yang telah bercerai daripada suami atau seorang lelaki yang telah bercerai daripada isterinya boleh dengan permintaan Mahkamah mendapat perintah terhadap bekas isterinya atau bekas suaminya mengenai pembahagian harta sepencarian¹¹⁶. Namun, Enakmen tersebut tidak menyebut dengan jelas bidangkuasa Mahkamah Kadi dalam memutuskan sebarang tuntutan harta sepencarian terhadap perceraian

dengan sebab kematian. Mahkamah Kadi hanya diberi kuasa mendengar dan memutuskan semua perbicaraan bagi menentukan ahli-ahli waris yang sah dan bahagian mereka mengikut hukum syarak¹¹⁷. Malah, sehingga kajian ini dibuat, tidak terdapat sebarang tuntutan yang melibatkan harta sepencarian di kalangan ahli waris ke atas harta peninggalan si mati sebelum pembahagian ke atas harta si mati dilakukan¹¹⁸.

2.5 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, ternyata Daerah Muar mempunyai jumlah keluasan tanah yang luas dan amat kaya dengan hasil buminya. Penduduknya terdiri daripada berbilang bangsa. Ini termasuklah bangsa Melavu, Cina, India dan sebagainya. Daerah ini telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti kemudahan tempat beribadah, sekolah, kemudahan elektrik, bekalan air bersih dan sebagainya. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan berbagai bantuan dan subsidi bagi meningkatkan taraf hidup penduduk di daerah ini. Ini termasuklah pemberian subsidi baia, biji benih, bantuan secara teknikal daripada agensi-agensi pembangunan tanah dan sebagainya. Secara tidak langsung, ia telah memberikan faedah yang besar terutama kepada masyarakat Islam di daerah ini dalam menikmati arus pembangunan.

Ini ternyata, apabila sebahagian besar masyarakat Islam di Daerah Muar telah memiliki harta sama ada melalui usaha

yang dilakukan sendiri, secara bersyarikat, melalui pewarisan dan melalui tuntutan harta sepencarian. Selain daripada itu, mereka juga memiliki sebahagian besar tanah-tanah yang ditadbir oleh agensi kerajaan sama ada Tanah Rancangan Felda, Tanah Felcra dan Tanah Rancangan Berkelompok.

Bagi memelihara kepentingan orang-orang Melayu terhadap pemilikan tanah, kerajaan telah mewartakan sebahagian besar tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang Islam di Daerah Muar di bawah peruntukan Enakmen Rezab Melalu Johor 1936. Pewartaan ini bertujuan supaya tanah-tanah tersebut sentiasa di bawah pemilikan orang-orang Melayu. Mengikut laboran yang disediakan oleh Pejabat Tanah Daerah Muar, sehingga Disember 1996, Kerajaan Negeri telah mewartakan seluas 51.126 hektar tanah sebagai Tanah Rezab Melayu di daerah ini. Manakala sejumlah 19,018 hektar telah diwartakan sebagai tanah yang ditadbir oleh agensi kerajaan.

Oleh itu, jelaslah bahawa kedudukan harta-harta yang dimiliki oleh orang-orang Islam di Daerah Muar adalah terdiri daripada dua jenis. Pertama, harta-harta yang dimiliki secara persendirian sama ada harta tersebut diperolehi melalui hasil usaha sendiri, secara bersyarikat, pewarisan atau tuntutan harta sepencarian. Kedua, harta-harta yang yang ditadbir oleh agensi kerajaan seperti Tanah Rancangan Felda, Tanah Felcra dan Tanah Rancangan Berkelompok.

NOTA KAKI

- (1) Lihat, Profail Daerah Muar Tahun 1994, disediakan oleh Pejabat Daerah Muar Johor 1995.
- (2) Ibid., Lihat, Laporan Penduduk Negeri Johor Tahun 1991, oleh Jabatan Perangkaan Negara 1995.
- (3) Ibid.
- (4) Ibid.
- (5) Abd. Rahim Omar (1984), *Sejarah Muar: Muar 100 Tahun 1884-1984*, Buku Cendermata Khas Sambutan 100 Tahun Muar diterbitkan oleh Jawatankuasa Sambutan 100 Tahun Muar, hal. 3; Yusman Ayub (1993), *Salasilah Nama Tempat Negeri Johor*. Penerbitan Prisma Sdn. Bhd. hal. 14.
- (6) Ibid.
- (7) Yusman Ayub, *op.cit.*, hal. 14.
- (8) Mulai tahun 1886, gelaran Maharaja Johor telah dimansuhkan dan diganti dengan gelaran Sultan Johor. Sila lihat, *Information Malaysia 1995 Year Book*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. hal. 540.
- (9) Abd. Malik Munip (1980), *Perkembangan-perkembangan Muar Johor 1884-1920*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, hal. 51.
- (10) Ibid.
- (11) Ibid.
- (12) Ibid.
- (13) Ibid.
- (14) Lihat, Johore Government Gazette 1931. June 21, (vol. xi), (No. 16).
- (15) Lihat, Laporan Penduduk Negeri Johor Tahun 1991, oleh Jabatan Perangkaan Negara 1995.
- (16) Perlembagaan Persekutuan memberikan definisi Melavu sebagai seorang yang beragama Islam dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Sila lihat, Perkara 60, Perlembagaan Persekutuan 1957.
- (17) Lihat, Laporan Penduduk Negeri Johor Tahun 1991, oleh

Jabatan Perangkaan Negara 1995.

(18) Ibid.

(19) Lihat, Profail Daerah Muar Tahun 1994, disediakan oleh Pejabat Daerah Muar Johor 1995.

(20) Ibid.

(21) Ibid.

(22) Mahmud Saedon Awang Othman, "Konsep Pemilikan Harta Dalam Islam", disunting oleh Prof. Ahmad Ibrahim dan lain-lain (1991), *al-Ahkam*, Jilid 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 2.

(23) Ibid.

(24) Ibid.

(25) Muhammad Salam Madkur (1969), *al-Madkhāl li al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Nahdah al-`Arabiyyah, hal. 484-485.

(26) Dr. Abd. Karīm Zaidān (1976), *al-Madkhāl li Dirāsah al-Syari`ah al-Islāmīyah*, Baghdad: Maktabah Quds, hal. 217-218; Dr. Abd. Karīm Zaidān (1989), *al-Madkhāl li Dirāsah al-Syari`ah al-Islāmīyah*, Baghdad: Muassasah al-Risālah, hal. 183.

(27) Ali Khafif (t.t), *al-Ahkām al-Mu`āmalah al-Syarī`ah*, Dār al-Fikr al-Arabi, hal. 37.

(28) Mahmud Saedon Awang Othman, *op.cit.*, hal. 3.

(29) Lihat, Laporan Tahunan 1994, disediakan oleh Pejabat Tanah Daerah Muar 1995.

(30) Temubual dengan Puan Hamisah Daud, Bahagian Tanah GSA, Pejabat Tanah Daerah Muar, Johor pada 24 Julai 1997 bertempat di Pejabat Tanah Daerah Muar.

(31) Dr. Abd. Karīm Zaidān (1989), *op.cit.*, hal. 187; Ali al-Khafif (t.t), *op.cit.*, hal. 32.

(32) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat, Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar, Johor pada 12 Disember 1996 bertempat di Pejabat Unit berkenaan.

(33) Dr. Abd. Karīm Zaidān, *op.cit.*, hal. 188; Ali al-Khafif, *op.cit.*, hal. 32.

(34) Lihat, seksyen 2, Akta Tafsiran 1967, (No. 23).

(35) Hj. Abdullah bin Muhammad, "Pembahagian Pusaka Kecil",

kertas kerja *Kursus Asas Pentadbiran Tanah*, pada 21-24 Oktober 1996, anjuran Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, bertempat di Langkawi, Kedah.

(36) Lihat, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).

(37) Lihat, seksyen 2, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 98).

(38) Akta Hakmilik Strata adalah Akta yang berhubung dengan hakmilik yang diluluskan ke atas suatu petak dalam bangunan yang dipecahbagikan kepada dua atau lebih petak supaya hakmilik berasingan boleh dikeluarkan untuk setiap petak. Sila lihat, seksyen 4, Akta Hakmilik Strata 1985, (No. 318); Teo Keang Sood (1990), *Hakmilik Strata di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 1.

(39) Lihat, seksyen 3, Akta Tafsiran 1967. (No. 23).

(40) Lihat, Laporan Tahunan 1994, disediakan oleh Pejabat Tanah Daerah Muar 1995.

(41) Lihat, Kanun Tanah Negara 1965. (No. 56).

(42) Lihat, Enakmen Rezab Melayu Johor 1936. (No. 1).

(43) Lihat, Laporan Tahunan 1994, disediakan oleh Pejabat Tanah Daerah Muar 1995.

(44) Ridzuan Awang (1994), *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan dan Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 250.

(45) Ahmad Mahdzan Ayub (1994), *Pembangunan Pertanian di Malaysia: Satu Prespektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 37.

(46) Lihat, Ordinan Kemajuan Tanah 1956. (No. 20).

(47) Ingin Tahu Mengenai Felda, diterbitkan oleh Ibupejabat Felda, Kuala Lumpur.

(48) Mohd. Fadzil Yunus, "Pemberian Hakmilik-Pengurusan Rancangan dan seterusnya" kertas kerja *Seminar Peneroka 1988*, pada 2-3 Februari 1988, anjuran Kemeterian Tanah dan Pembangunan Koperasi bertempat di Universiti Pertanian Malaysia.

(49) Ibid.

(50) Ibid.

(51) Ibid.

- (52) Ibid.
- (53) Lihat, Fifth Malaysia Plan. 1986-1990. hal. 306.
- (54) Lihat, Buku Penerangan Felda 1992. bil. 2/1992.
- (55) Ibid.
- (56) Lihat, Laporan Tahunan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi Tahun 1983.
- (57) Lihat, Laporan Tahunan 1994, disediakan oleh Pejabat Tanah Daerah Muar 1995.
- (58) Lihat, seksyen 44, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).
- (59) Lihat, Mohd. Fadzil Yunus, kertas kerja Seminar Peneroka 1988.
- (60) Ibid.
- (61) Alladin Hashim (1985), *Dasar Pertanian Negara. Land Development Digest*, Kuala Lumpur: The Felda Institute of Land Development, hal. 14.
- (62) Ibid.
- (63) Lihat, Laporan Tahunan Felda 1985. diterbitkan oleh Ibupejabat Felda, Kuala Lumpur.
- (64) Lihat, Laporan Tahunan Felda 1988. diterbitkan oleh Ibupejabat Felda, Kuala Lumpur.
- (65) Lihat, seksyen 15, 19, 24. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13); Mohd. Fadzil Yunus. "Isu Yang Berkaitan Dengan Peneroka di Tanah Rancangan". kertas kerja *Seminar Ketua Peneroka dan Penerokawati*. pada 23-24 November 1991, anjuran Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi bertempat di Universiti Malaya.
- (66) Lihat, seksyen 44, Ibid.
- (67) Lihat, Laporan Tahunan Felcra 1992. diterbitkan oleh Ibupejabat Felcra, Kuala Lumpur.
- (68) Main Rindam (1994), *Tanah Terbiar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 15; Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 250.
- (69) Lihat, Laporan Tahunan Felcra 1992, diterbitkan oleh Ibupejabat Felcra, Kuala Lumpur.
- (70) Lihat, Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan

Penyatuan Tanah Persekutuan 1966, (No. 22).

(71) Lihat, Kanun Tanah Negara 1965, (No. 56).

(72) Lihat, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).

(73) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 250.

(74) Mustafa Juman, "Strategi Felcra dalam Mengatasi Masalah Tanah Terbiar", kertas kerja Seminar Pegawai Daerah, pada 3 Mac 1987, anjuran Kementerian Tanah dan pembangunan koperasi bertempat di Institut Tadbir Awam Negara (INTAN).

(75) Lihat, Laporan Tahunan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi 1983.

(76) Lihat, Laporan Tahunan Felcra 1992, diterbitkan oleh Ibupejabat Felcra, Kuala Lumpur.

(77) Ibid.

(78) Ibid.

(79) Main Rindam, *op.cit.*, hal. 43.

(80) Ibid.

(81) Ibid.

(82) Lihat, Laporan Tahunan 1994, disediakan oleh Pejabat Tanah Daerah Muar 1995.

(83) Tanah Rancangan Berkelompok ini mempunyai 477 orang peserta. Daripada jumlah tersebut, hanya 4 orang peserta terdiri daripada orang-orang Melayu. Manakala bakinnya (473 orang) terdiri daripada orang-orang Cina. Sila lihat, Ibid.

(84) Terdapat 337 orang peserta di tanah rancangan tersebut. Daripada jumlah itu, seramai 285 orang peserta terdiri daripada orang-orang Melayu dan 52 orang terdiri daripada orang-orang Cina. Sila lihat, Ibid.

(85) Lihat, seksyen 19, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).

(86) Lihat, seksyen 14, 15 dan 16, Ibid.

(87) Lihat, seksyen 15, 19 dan 24, Ibid.

(88) Muhammad Abu Zahrah (1950), *al-Ahwāl al-Syahsiyah*, Dār al-Fikr al-Arabi, hal. 226-231.

(89) Ibid.

- (90) Ibid.
- (91) M.B.Hooker (1976), *Personal Laws of Malaysia*. Oxford University Press, hal. 77; M.B.Hooker (1991). *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 157.
- (92) Lihat, 1950, MLJ 63.
- (93) Lihat, kes *Hajjah Lijah bt. Jamal lawan Fatimah bt. Mat Diah* (1950), MLJ 63; Prof. Madya Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, *Raihanah Hj. Azhari* (1989). *Undang-undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Karya Abazie, hal. 204.
- (94) Lihat, kes *Piah bt. Said lawan Che Lah bin Awang*, Jurnal Hukum 1983, jilid 2, hal. 220.
- (95) Prof. Madya Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid. Raihanah Hj. Azhari, *op.cit.*, hal. 204.
- (96) Lihat, Jurnal Hukum 1985, hal. 41.
- (97) Lihat, seksyen 2, Bahagian Tafsiran. Akta Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, Enakmen Keluarga Keluarga Islam Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang. Sabah. Sarawak. Trenggan, Melaka, Kelantan dan Perlis.
- (98) Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail. Abd. Monir Hj. Yaacob. "Harta Sepencarian Menurut Pandangan Islam", kertas kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan pada 4-5 Jun 1983 anjuran Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (99) Prof. Madya Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid. Raihanah Hj. Azhari, *op.cit.*, hal. 212.
- (100) Prof. Ahmad Ibrahim (1976), *The Distribution of Estates According to Shafi'i Law*. Singapore: Malayan Law Journal, hal. 7.
- (101) Ibid.; Prof. Madya Mahmood Zuhdi Abd. Majid. Raihanah Hj. Azhari, *op.cit.*, hal. 212.
- (102) Dr. Abd. Rahman al-Sabūni, Dr. Mahmood Muhammad al-Tantawi, Dr. Khalifah Ibn. Bakar (1982). *al-Madkhal al-Fiqh wa Tarikh al-Tasyrik al-Islāmi*, Kaherah: Maktabah Wahbah, hal. 137.
- (103) Ibid. hal. 139-142; Dr. Abd. Karīm Zaidān (1964). *al-Wajīz fi Usūl al-Fiqh*, Baghdad: Matba'ah Sulaiman al-A'zāmi. hal. 216-218.
- (104) Muhammad Daud Ali (t.t), *Mukhtasar al-Oawā'id al-Fiqhiyyah*, Universiti Malaya Cawangan Nilai Puri. hal. 31:

Prof. Madya Dr. Abdullah @ Alwi Hj. Hassan, "Adat Melayu di Malaysia Mengikut Perspektif Perundangan Islam". *Jurnal Syariah*, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Jilid 5, Bilangan 1, Januari 1997.

(105) Lihat, Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, Abd. Monir Hj. Yaacob, kertas kerja Seminar Faraid Perinakan Kebangsaan.

(106) Ibid.

(107) Lihat, seksyen 45, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor 1989, (No. 2).

(108) Lihat, seksyen 25, Enakmen Pentadbiran Hal-Ehwal Agama Islam Terengganu 1986, (No. 12).

(109) Lihat, seksyen 71, Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang 1982, (No. 8).

(110) Prof. Ahmad Ibrahim, *op.cit.*, hal. 7.

(111) Ibid. hal. 8; Prof. Madya Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, Raihanah Hj. Azhari, *op.cit.*, hal. 205; Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 115; E.N.Taylor (1937). "Malay Family Law", dalam JMBRAS, vol. xv, Part 1, hal. 41-42.

(112) Ibid.; Prof. Madya Mahmood Zuhdi Abd. Majid. Raihanah Hj. Azhari, Ibid. hal. 208.

(113) Lihat, Jurnal Hukum 1992, hal. 66.

(114) Abdul Kadir Hj. Muhammad, *op-cit.* hal. 98.

(115) Lihat kes, *Haji Ramah lawan Alpha* (1924). 4 FMSLR 179.

(116) Lihat, seksyen 133(3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978, (No. 14).

(117) Lihat, seksyen 59(2)(b)(iv), Ibid.

(118) Temubual dengan Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah, Daerah Muar pada 27 Julai 1997 bertempat di Pejabat Pendaftar Mahkamah Syariah Daerah Muar; Juga temubual dengan Encik Samsuri Selamat, Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar pada tarikh yang sama.